

Kempen Menyemai Impian Aidilfitri Hong Leong Bank dan Hong Leong Islamic Bank

TEMPOH KEMPEN

Kempen "**Menyemai Impian Aidilfitri**" anjuran Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (HLISB) (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank") bermula dari jam 11:00 pagi pada 20 Mei 2019 dan berakhir pada 11:59 malam pada 23 Jun 2019, kedua-dua tarikh termasuk ("Tempoh Kempen"), melainkan jika diberitahu sebaliknya di laman web HLB di www.hlb.com.my atau laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("**Laman Web Bank**").

TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang berkaitan dengan Kempen ("T & C"): -

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas sahaja ("Peserta").
2. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, yang muktamad dan tertakluk kepada perkara yang berkaitan dengan Kempen ini.

MEKANIK KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen ini, dimana pihak Bank akan menyumbang derma kepada kanak-kanak yang memerlukan, peserta dikehendaki;
 - Melakukan transaksi Amanah Saham Bumiputera (ASB) di mana-mana cawangan Hong Leong Bank / Hong Leong Islamic Bank di seluruh negara
 - Transaksi ASB termasuk permohonan Pembiayaan ASB dan pembelian unit ASB (pembelian) tidak termasuk penebusan (pengeluaran).
 - Atau mendaftar DuitNow dengan Bank;
 - Daftar DuitNow dengan Bank merujuk kepada nombor mudah alih, nombor MyKad, nombor polis / tentera, nombor pasport dan nombor pendaftaran perniagaan Peserta yang akan dilampirkan ke akaun Hong Leong atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i Hong Leong Islamic Bank.
4. Dengan setiap transaksi ASB atau pendaftaran DuitNow semasa Tempoh Kempen, pihak Bank akan menyumbang tiga ringgit (RM 3) sebagai derma bagi pihak Peserta kepada kanak-kanak yang memerlukan. Sumbangan ini tidak akan ditolak dari akaun peserta.

5. Sumbangan dari pihak Bank akan dikumpulkan dan dihadkan sehingga RM100,000 semasa Tempoh Kempen.
6. Jumlah sumbangan akan disalurkan kepada maksimum dua ratus (200) kanak-kanak yang memerlukan dari rumah anak yatim di seluruh negara yang telah dipilih oleh Bank.
7. Setiap kanak-kanak dari rumah anak yatim terpilih akan menerima wang tunai RM500 yang akan dikreditkan ke dalam akaun Hong Leong Bank / Hong Leong Islamic Bank kanak-kanak.
8. Keputusan Bank untuk meneruskan atau menggantikan mana-mana rumah anak yatim sekiranya tidak dapat menyertai atas apa-apa sebab adalah muktamad dan tiada surat-menyerurat akan dilayan.
9. Peserta yang tidak memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini akan dibatalkan secara automatik.

AM

10. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju;
 - i. bahawa mereka telah membaca, memahami dan mematuhi kesemua kandungan Terma dan Syarat;
 - ii. bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Peserta dan tiada surat-menyerurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan; dan
 - iii. untuk mengakses laman web Bank dari masa ke masa untuk memastikan sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat.
11. Bank berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Sumbangan dengan tawaran lain atau produk yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicara mutlakanya, dengan cara menyiarkan di Laman Web Bank atau dalam apa-apa cara lain yang difikirkan oleh Bank.
12. Sekiranya berlaku percanggahan diantara Terma dan Syarat ini dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan mana-mana bahan berkaitan atau berhubung dengan Kempen, Terma dan Syarat muktamad adalah seperti yang tertera di laman web Bank.
13. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk menerima bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
14. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuk semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad / tunggal termasuk majmuk dan sebaliknya.